

# Spekulasi punca rumah mahal

---

Oleh LICHONG ANGKUI

---

**KUALA LUMPUR:** Tindakan pihak tertentu menjadikan pembelian rumah dan harta sebagai kegiatan spekulasi, dikenal pasti antara punca kenaikan mendadak harga rumah kediaman dan perniagaan sejak kebelakangan ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sehubungan itu, Perdana Menteri meminta pemaju dan pelabur supaya tidak mengambil kesempatan untuk mengaut keuntungan berlebihan menerusi urus niaga kegiatan perumahan.

Menurutnya, sementara kerajaan mengawal kos rumah murah, pemaju sekurang-kurangnya patut mengawal harga rumah sederhana bagi mengelak kenaikan kadar inflasi di negara ini.

Beliau mengakui, kebelakangan ini ada laporan mengenai kenaikan harga rumah, terutama harga rumah kediaman dan perniagaan melebihi kadar biasa iaitu sehingga 30 peratus.

"Di Lembah Klang, kenaikan harga di antara akhir 1993 dan pertengahan 1994 ialah dalam lingkungan 30 peratus berbanding kenaikan tahunan di antara 10 peratus hingga 20 peratus," katanya ketika merasmikan kondominium dan sekolah antarabangsa Mont' Kiara di Bukit Kiara, di sini, semalam.

Kondominium 910 unit itu dilengkapi kemudahan rekreasi, perniagaan dan pendidikan. Ia dibina oleh Sunrise Berhad. Turut hadir ialah Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Dr Ting Chew Peh.

Dr Mahathir berkata, kenaikan har-

ga rumah itu dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti peningkatan pendapatan, kuasa membeli dan kemudahan pinjaman perumahan yang mudah.

Bagaimanapun, katanya, ada pihak tertentu yang mengambil kesempatan daripada kepesatan pertumbuhan ekonomi negara untuk menjadikan urus niaga membeli rumah dan harta sebagai satu kegiatan spekulasi.

Katanya, walaupun negara mengamalkan ekonomi bebas, pemaju dan pelabur tidak patut mengambil kesempatan meraih lebih keuntungan menerusi kegiatan perumahan.

“Pemaju perlu mengawal kos dan harga jualan rumah kerana jika dibiarkan, ia boleh menyumbang kepada inflasi.

“Langkah itu akan memastikan golongan pertengahan di negara ini tidak membolot rumah murah akibat tidak mampu membeli rumah sederhana. Saya yakin jika kos dikawal rapi, harga rumah sederhana tidak akan meningkat terlalu tinggi,” katanya.

Beliau berkata, keseluruhannya industri perumahan mempunyai prospek cerah jika pertumbuhan ekono-

mi sekarang dapat dikekalkan, malah ia dijangka menjadi penggerak utama dalam pembangunan tahun akan datang.

Katanya, ini berikutan jangkaan penduduk Malaysia meningkat daripada 19 juta sekarang kepada 22.7 juta pada tahun 2000.

Sehubungan itu, beliau menyarankan supaya konsep penempatan dan reka bentuk rumah yang dibina sekarang disesuaikan dengan senario industri pembinaan pada masa akan datang.

“Oleh itu kita harus mengkaji se-

mula pendekatan dalam pembinaan perumahan yang mengambil kira soal keseimbangan persekitaran, keselamatan, kecelesaan dan sebagainya dalam usaha meningkatkan kualiti hidup.

“Penyediaan perumahan perlu dilihat sebagai satu konsep penempatan yang menyeluruh,” katanya.

Dr Mahathir berkata, kerajaan sudah mengumumkan peruntukan RM2.6 bilion sebelum ini yang bertujuan meningkatkan lagi penyediaan perumahan bagi golongan berpendapatan rendah.